

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA (JPH)

Tarikh : 3 Mei 2021 (Isnin)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Microsoft Teams (*Online Platform*)
Tajuk Kertas : Perkhidmatan Tenaga Pengajar dan Fasilitator bagi Projek E-Shared Prosperity Organisation (eSPO).

Kehadiran:

1. Pengerusi JPH – Pn. Mazuin Dahlan
2. Ahli JPH 1 – En. Izzul Ikhwan Ishak
3. Ahli JPH 2 – Cik. Rabiatal Hana Ishak
4. Wakil Unit PLWS – Dr. Suriati Zainal Abidin
5. Wakil Unit PLWS – Pn. Nurul Syamimi Ismail
6. Wakil Unit PLWS – Pn. Nur Munirah Mustaffa Kamal
7. Penyedia Laporan JPH – Cik. Siti Sakinah Mohd Zaki

AGENDA

1. Ucapan pengerusi
2. Latar belakang projek
3. Perkara yang dibincangkan
4. Pengesyoran

1. UCAPAN PENERUSI

- 1.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH), wakil unit PLWS yang hadir.
- 1.2 Pengerusi memaklumkan objektif mesyuarat ini diadakan bagi menyemak dan menilai cadangan sebutharga pembekal – pembekal untuk pertimbangan Jawatankuasa Sebutharga B bagi menjalankan projek e-*Shared Prosperity Organisation (eSPO)*.

2. LATAR BELAKANG PROJEK

2.1 Wakil unit PLWS menerangkan latar belakang projek ini kepada ahli mesyuarat seperti dibawah:

- i. e-Shared Prosperity Organisation (eSPO) adalah platform dalam talian yang mengeluarkan sijil perakuan elektronik kepada organisasi yang berjaya melaksanakan Sistem Upah/Gaji Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti (PLWS).
- ii. Statistik terkini yang dikongsikan oleh Kementerian Sumber Manusia (MOHR) hampir 90,000 organisasi di seluruh Malaysia mengamalkan Sistem Upah/ Gaji Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti (PLWS). Oleh itu, dengan adanya platform eSPO, syarikat-syarikat ini harus didaftarkan dalam sistem dan diperakui. Pemegang taruh bersama adalah JPPM dan ILMIA telah membantu menyediakan data organisasi berikut. Namun begitu, data yang diterima adalah tidak lengkap.
- iii. Projek eSPO ini adalah bagi memperakukan organisasi/ syarikat yang mengamalkan PLWS. Projek ini adalah merangkumi seluruh negeri di Malaysia. Namun demikian, modus operandi bagi projek yang akan dijalankan adalah secara dalam talian sahaja.
- iv. Sehingga kini, aktiviti semasa yang dijalankan oleh Unit PLWS berjaya mendaftarkan lebih daripada 1,600 syarikat/ organisasi ke dalam platform eSPO.
- v. Untuk meningkatkan jumlah sijil perakuan eSPO kepada syarikat/ organisasi yang mengamalkan PLWS, projek eSPO ini adalah sangat penting untuk merealisasikan aspirasi kerajaan dalam mencapai visi kemakmuran bersama.

3. PERKARA YANG DIBINCANGKAN

- 3.1 Pengerusi bersetuju pembayaran dibuat sebanyak empat (4) kali mengikut peringkat seperti yang dinyatakan di dalam spesifikasi.
- 3.2 Ahli Mesyuarat bersetuju dengan pelantikan penyebut harga 1/3 sebagai pembekal projek eSPO.
- 3.3 Pengerusi mengingatkan untuk mengikut senarai semak yang disediakan oleh Unit PCT bagi memudahkan proses mesyuarat dan kelulusan seterusnya.

4. PENGESYORAN


Pengerusi mengesyorkan untuk pertimbangan Jawatankuasa Sebutharga B bagi memilih penyebut harga 1/3 kerana menepati spesifikasi yang diperlukan dan memohon sekretariat untuk menyediakan Kertas Penilaian Untuk Pertimbangan Jawatankuasa Sebutharga B yang lengkap dan perlu diserahkan kepada urusetia PCT sekurang-kurangnya seminggu sebelum mesyuarat sebutharga diadakan.

Disediakan oleh:



(Siti Sakinah Mohd Zaki)
Penolong Pengurus
3 Mei 2021

Disahkan oleh:



(Dr. Suriati Zainal Abidin)
Pengurus Kanan
3 Mei 2021